


# LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

## PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan kerajaan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2010. Maklumat di dalam laporan ini diperolehi daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Penyata Kewangan ini telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 18 Januari 2011. Penyata ini telah diaudit mengikut peruntukan Akta Audit 1957 dan sijil bersih tanpa teguran telahpun dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara pada 12 Mei 2011.

Penyata ini mengandungi transaksi yang berlaku di dalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata Akaun Memorandum pula terdiri daripada Aset dan Liabiliti yang tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan. Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2010 adalah berjumlah RM1,131.17 juta meningkat sejumlah RM29.28 juta dari tahun 2009. Carta 1 menunjukkan perkembangan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2006 sehingga tahun 2010.

**CARTA 1 : KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2006 - 2010**



# LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

## LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri.

### WANG AWAM

#### **Wang Tunai**

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM2.52 juta adalah mencakupi Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM1.50 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM0.53 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.49 juta. Baki Wang Tunai di akhir tahun 2010 menurun sebanyak RM1.37 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM3.88 juta.

#### **Pelaburan**

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2010 terdiri daripada pelaburan simpanan tetap berjumlah RM1,093.00 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM4.21 juta. Pelaburan simpanan tetap telah bertambah sebanyak RM31.50 juta berbanding tahun 2009 hasil daripada lebihan wang tunai yang bertambah di dalam akaun semasa Kerajaan Negeri.


# LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

## KUMPULAN WANG DISATUKAN

### AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan tahun 2010 dengan lebihan berjumlah RM33.54 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM410.70 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM377.16 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM538.95 juta dalam tahun berakhir 2009 menjadi RM572.49 juta bagi tahun berakhir 2010. Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2006 sehingga tahun 2010.

**CARTA 2 : KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2006 – 2010**




# LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

## Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2010. Pada tahun 2010 terdapat pertambahan hasil sebanyak RM34.19 juta berbanding tahun 2009. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di Jadual 1.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN HASIL  
BAGI TAHUN 2010**



**JADUAL 1**  
**PRESTASI HASIL TAHUN 2006-2010 (RM Juta)**

KOMPONEN	TAHUN				
	2006	2007	2008	2009	2010
HASIL CUKAI	100.56	93.16	110.15	111.93	116.29
HASIL BUKAN CUKAI	120.32	129.58	186.76	197.91	197.92
TERIMAAN BUKAN HASIL	59.62	73.12	74.23	66.67	96.49
<b>JUMLAH</b>	<b>280.50</b>	<b>295.86</b>	<b>371.14</b>	<b>376.51</b>	<b>410.70</b>

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### **Hasil Cukai**

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2010 telah meningkat sebanyak RM3.89% berbanding tahun 2009. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri dari Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Hasil Cukai Tanah telah meningkat sejumlah RM2.46 juta pada tahun 2010 berbanding 2009. Peningkatan ini disebabkan oleh usaha berterusan Kerajaan Negeri di dalam mengutip hasil termasuk tunggakan Cukai Tanah melalui kaedah yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara .

### **Hasil Bukan Cukai**

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM0.005 juta berbanding tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan sebanyak RM7.09 juta berbanding tahun 2009.

### **Terimaan Bukan Hasil**


Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2010 berjumlah RM96.49 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM29.83 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM66.66 juta.

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2010 berjumlah RM377.16 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM34.48 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM342.68 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Maksud Emolumen sebanyak RM109.03 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM72.07 juta, Perolehan Aset sebanyak RM1.89 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM188.29 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM5.88 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2010. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan tahun 2010 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2009. Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di Jadual 2.

**CARTA 4 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN 2010**



## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### JADUAL 2

#### PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN TAHUN 2006-2010 (RM Juta)

KOMPONEN	TAHUN				
	2006	2007	2008	2009	2010
EMOLUMEN	72.02	78.15	98.53	101.74	109.03
PERKHIDMATAN & BEKALAN	55.58	59.67	58.68	66.02	72.07
ASET	4.98	2.18	1.26	2.72	1.89
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	136.66	106.07	122.79	110.39	188.29
PERBELANJAAN LAIN	0.39	6.18	1.89	18.30	5.88
JUMLAH	<b>269.63</b>	<b>252.25</b>	<b>283.15</b>	<b>299.17</b>	<b>377.16</b>

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### **Emolumen**

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM109.03 juta pada tahun 2010 dan jumlah ini meningkat sejumlah RM7.29 juta berbanding tahun 2009 sejumlah RM101.74 juta. Pertambahan ini disebabkan oleh usaha yang telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong di pentadbiran Kerajaan Negeri.

### **Perkhidmatan dan Bekalan**

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM6.05 juta berbanding tahun 2009.

### **Aset**

Perolehan Aset telah menurun sebanyak RM0.83 juta berbanding tahun 2009.

### **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah meningkat berbanding tahun 2009 sejumlah RM77.90 juta. Jumlah perbelanjaan bagi maksud ini pada tahun 2010 adalah sebanyak RM188.29 juta.

### **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain**

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM5.88 juta iaitu menurun sebanyak RM12.42 juta berbanding tahun 2009.

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

#### Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulanwang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2009. Baki pada akhir tahun menunjukkan amaun sifar disebabkan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Jumlah terimaan pinjaman yang telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 2010 adalah sebanyak RM5.79 juta, berkurang berbanding tahun 2009 sebanyak RM64.51 juta.

**JADUAL 3**  
**PRESTASI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**  
**TAHUN 2006-2010 (RM Juta)**

PERIHAL	TAHUN				
	2006	2007	2008	2009	2010
BAKI PADA 1 JANUARI	0	0	0	0	0
TERIMAAN PINJAMAN	0	59.38	133.62	64.51	5.79
PINDAHAN KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	0	59.38	133.62	64.51	5.79
BAKI PADA 31 DISEMBER	0	0	0	0	0

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2010 berjumlah RM558.68 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM4.26 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM562.94 juta.

**Kumpulanwang Pembangunan** – Kumpulanwang ini telah memperakaunkan penerimaan sebanyak RM130.16 juta bagi tahun 2010 yang terdiri daripada Pemberian (TAHAP) Kerajaan Persekutuan, Sewa/Beli Perumahan Kos Rendah, Bayaran Balik Pinjaman dan Pindahan Peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan dan jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM225.95 juta. Perbelanjaan bagi Kumpulanwang ini adalah bagi projek-projek pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Prestasi baki Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di Jadual 4.

**JADUAL 4**  
**PRESTASI BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**  
**TAHUN 2006-2010 (RM Juta)**

KOMPONEN	TAHUN				
	2006	2007	2008	2009	2010
PEMBANGUNAN	79.44	102.33	189.76	176.21	80.42

## **LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010**

### **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Kumpulan Wang Amanah Rumah Awam Kos Rendah, Kumpulan Wang Amanah Bantuan TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya baki jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini menurun sebanyak RM0.73 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM116.64 juta.

### **Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2010 ialah sebanyak RM75.20 juta meningkat sejumlah RM8.53 juta berbanding baki bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 yang berjumlah RM66.67 juta.

### **Akaun Wang Deposit**

Akaun Wang Deposit ini adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2010 terdapat 157 akaun wang deposit yang keseluruhannya berjumlah RM287.14 juta.

## **LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010**

### **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum disediakan bagi membantu menerangkan secara terperinci perkara-perkara berkaitan Aset dan Tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan Kerajaan Negeri.

### **ASET**

Aset Kerajaan Negeri yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum adalah harta milikan Kerajaan Negeri semasa dan yang bakal diterima. Aset-aset berkenaan yang dilaporkan ialah Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Pajakan Projek Bekalan Air.

#### **Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd.

Sehingga tahun 2010, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM108.45 juta terdiri daripada pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Air (PBAPP Sdn Bhd) sebanyak RM72.66 juta, Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

## LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010

### **Pelaburan**

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, pelaburan dalam unit amanah dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBA Holdings Bhd. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2010 ialah RM238.67 juta.

### **Hasil Belum Terima**

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2010, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM78.78 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM9.85 juta berbanding tahun 2009 iaitu RM88.63 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM57.64 juta.

### **Pajakan Projek Bekalan Air**

Baki Pajakan Projek Bekalan Air bagi tahun berakhir 2010 adalah sejumlah RM71.79 juta.

### **LIABILITI**

#### **Hutang Awam Kerajaan Negeri**

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2010 berjumlah RM687.79 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM4.04 juta berbanding tahun 2009 berjumlah RM683.75 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terdapat pinjaman baru yang diterima pada tahun 2010.

## **LAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2010**

### **PENUTUP**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diterima dan disahkan lengkap oleh Ketua Audit Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang masih lagi mengekalkan Penarafan Indeks Akauntabiliti pada tahap sangat baik oleh Ketua Audit Negara bagi pengurusan kewangannya sama seperti penarafan yang telah diberikan pada tahun 2008 dan 2009.

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha meningkatkan pengurusan kewangan negeri bagi mempertahankan kualiti pengurusan yang telah diiktirafkan ini. Walau bagaimanapun, pengurusan kewangan negeri yang baik dan penyediaan Penyata Kewangan yang teratur dan lengkap tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen, kerjasama dan sokongan daripada semua Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri serta kakitangannya.

**TERIMA KASIH.**

**Lembaran Imbangan**  
seperti pada 31 Disember 2010

Penyata	Nota	2010	2009
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
A    WANGTUNAI		2,516,338.74	1,065,382,737.94
B    PELABURAN		1,128,657,346.93	36,508,906.43
		1,131,173,685.67	1,101,891,644.37
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
C    AKAUN HASIL DISATUKAN		572,492,567.14	538,953,550.83
D    AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		0.00	0.00
E    AKAUN AMANAH DISATUKAN		558,681,118.53	562,938,093.54
		1,131,173,685.67	1,101,891,644.37

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

# Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

PULAU PINANG

	2010 (RM)	2009 (RM)
<b>TERIMAAN</b>		
<b>HASIL</b>		
Hasil Cukai	116,292,082.17	111,934,997.17
Hasil Bukan Cukai	197,920,024.19	197,914,885.97
Terimaan Bukan Hasil	96,489,524.34	66,661,904.35
	<hr/> 410,701,630.70	<hr/> 376,511,787.49
<b>PINJAMAN</b>		
Pinjamaan Dalam Negeri	5,793,119.00	64,513,221.00
	<hr/> 5,793,119.00	<hr/> 64,513,221.00
<b>TERIMAAN MODAL</b>		
Pelbagai Terimaan Modal	41,164,378.82	155,667,047.14
Jualan Instrumen Kewangan	0.00	0.00
	<hr/> 41,164,378.82	<hr/> 155,667,047.14
<b>TERIMAAN LAIN</b>		
Terimaan Amanah	91,532,588.66	12,185,963.26
	<hr/> 91,532,588.66	<hr/> 12,185,963.26
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<hr/> <b>549,191,717.18</b>	<hr/> <b>608,878,018.89</b>
<b>BAYARAN</b>		
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>		
Emolumen	(109,030,734.56)	(101,738,638.20)
Perkhidmatan Dan Bekalan	(72,072,954.62)	(66,023,183.87)
Aset	(1,892,648.30)	(2,723,662.54)
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(97,539,295.51)	(108,355,131.41)
Perbelanjaan Lain	(5,873,283.95)	(18,292,108.87)
	<hr/> (286,408,916.94)	<hr/> (297,132,724.89)
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>		
Langsung	(183,201,521.60)	(59,204,232.33)
Pinjaman	(42,752,420.89)	(110,007,531.08)
	<hr/> (225,953,942.49)	<hr/> (169,211,763.41)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>		
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00	0.00
Pembelian Instrumen Kewangan	(30,648,440.50)	(75,000,000.00)
	<hr/> (30,648,440.50)	<hr/> (75,000,000.00)
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>		
Pinjaman Dalam Negeri	(1,753,697.45)	(2,035,736.83)
Pinjaman Kepada Agensi	(5,793,119.00)	(64,513,221.00)
	<hr/> (7,546,816.45)	<hr/> (66,548,957.83)
<b>BAYARAN LAIN</b>		
Bayaran Amanah	0.00	0.00
	<hr/> 0.00	<hr/> 0.00
<b>JUMLAH BAYARAN</b>	<hr/> <b>(550,558,116.38)</b>	<hr/> <b>(607,893,446.13)</b>
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai	(1,366,399.20)	984,572.76
Wangtunai Pada 1 Januari	<hr/> 3,882,737.94	<hr/> 2,898,165.18
Wangtunai Pada, 31 Disember	<hr/> 2,516,338.74	<hr/> 3,882,737.94

## **Penyata Akaun Memorandum**

seperti pada 31 Disember 2010

Penyata	Nota	2010	2009
		RM	RM
<b>F ASET</b>			
I Pinjaman Boleh dituntut	3.1.1	108,454,944.87	114,131,952.02
Pelaburan			
II Pelaburan ( Portfolio)	3.1.2	65,835,332.34	64,832,222.98
III Pelaburan Ekuiti	3.1.2	172,833,873.19	172,833,873.19
IV Tuggakan Hasil	3.1.3	78,778,341.28	88,630,163.40
V Pajakan Projek Bekalan Air	3.1.4	71,792,000.00	67,100,000.00
<b>G TANGGUNGAN</b>			
I HUTANG AWAM	3.2	687,789,776.52	683,750,354.97

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

(DATO' FARIZAN BIN DARUS)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

(ROSMAH BINTI ISMAIL)  
BENDAHARI NEGERI  
PULAU PINANG

**Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING**

**1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Entiti Perakaunan**

Sebagai entiti perakaunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kecuali Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan.

**2. Kumpulanwang Disatukan**

Terdapat tiga akaun berasingan diselenggarakan mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu:-

- 2.1. Akaun Hasil Disatukan (Penyata C). Hasil Kerajaan yang dikutip diakaunkan ke akaun ini dan perbelanjaan mengurus yang dilakukan dikenakan ke atasnya.
- 2.2. Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D). Mengakaunkan semua penerimaan pinjaman dan pembayaran dibuat termasuk kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.
- 2.3. Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Mengakaunkan semua terimaan dan bayaran bagi Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

**3. Akaun Memorandum**

Akaun ini mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak diambilkira dalam Kumpulanwang Disatukan, sebaliknya dinyata di dalam Penyata Akaun Memorandum yang mengandungi butir-butir berikut:-

**3.1. Penyata Akaun Memorandum - Aset**

- 3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut [Penyata Memorandum F1 dan Penyata F1(i)].
- 3.1.2. Penyata Pelaburan (Penyata Memorandum F2a dan F2b)
- 3.1.3. Penyata Hasil Belum Terima (Penyata Memorandum F3).
- 3.1.4. Penyata Pajakan Projek Bekalan Air (Penyata Memorandum F4)

**Pajakan**

Pajakan projek-projek bekalan air Kerajaan Negeri meliputi asset dan kemudahan bekalan air melalui perjanjian yang telah ditandatangani.

**3.2. Penyata Akaun Memorandum - Tanggungan**

Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Negeri [Penyata G1]

**4. Konsep Asas**

Dasar Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada dua konsep seperti tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

- 4.1. Konsep Kumpulanwang Disatukan yang memerlukan segala hasil dan wang yang dikutip atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal, Wakaf atau hasil Agama Islam yang seumpamanya (Perkara 97); dan
- 4.2. Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Perkara 104).

**5. Dasar Perakaunan**

Asas perakaunan yang digunakan bagi kedua-dua hasil dan perbelanjaan Kerajaan ialah sistem tunai. Sistem perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan sekarang membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

**6. Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**7. Aset dan Tanggungan**

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset (Penyata F2).

**Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010**  
**(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersampingan dengannya)**

Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan juga tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan.

Tetapi tanggungan ini ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum Tanggungan (Penyata G).

**WANG AWAM**

**8. Wang Tunai dan Pelaburan**

Wang Tunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan adalah terdiri dari kelebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Disatukan. Pelaburan diambilkira pada nilai buku dengan nilai-nilai nominal dan pasarannya ditunjukkan untuk perbandingan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**AKAUN HASIL DISATUKAN**

**9. Hasil**

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan atas dasar tunai. Hasil sebenar yang dipungut diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan.

**Perbelanjaan**

Semua kenaan kepada peruntukan kewangan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada hasil.

**Perbelanjaan Tanggungan**

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang diwajibkan dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut mana-mana Undang-undang Negeri. Ia termasuk pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan gantirugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

**10. Akaun Amanah Disatukan**

**Kumpulanwang Pembangunan**

Ianya ditubuhkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan diakaunkan dalam Akaun Amanah (Penyata E1a). Terimaan Kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud Pembangunan, caruman dari Akaun Hasil dan terimaan balik pinjaman yang diberi dari Kumpulanwang Pembangunan. Perbelanjaan hanya boleh dibuat untuk maksud-maksud tertentu seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan.

**Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi maksud tertentu.

**Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan, terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

**Deposit**

Akaun Amanah bagi deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang telah diterima khusus bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian.

**11. Akaun Pinjaman Disatukan**

**Pinjaman**

Pinjaman yang diambil di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

**Hutang Awam**

Hutang Awam yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan, Bank-bank dan punca kewangan yang lain yang masih belum diselesaikan. Ianya dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum G1.

# **A**

## **Penyata Wangtunai**

**seperti pada 31 Disember 2010**

Perihal	2010	2009
	Debit/(Kredit) RM	Debit/(Kredit) RM
I WANG TUNAI DALAM BANK	1,497,539.71	3,294,704.98
II WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	526,099.03	95,532.96
III WANG TUNAI DALAM TANGAN	492,700.00	492,500.00
<b>JUMLAH WANGTUNAI</b>	<b>2,516,338.74</b>	<b>3,882,737.94</b>

**B** **Penyata Pelaburan**  
seperti pada 31 Disember 2010

Perihal	Nilai Buku 2010 RM	Nilai Buku 2009 RM
<b>I PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH</b>		
PELABURAN KUMPULANWANG BIASISWA KHOO HENG PAN	7,346.93	7,346.93
PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH KEBAJIKAN MASYARAKAT	0.00	731,975.47
PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH BANTUAN TYT YDP NEGERI PULAU PINANG	4,200,000.00	4,319,584.03
<b>JUMLAH PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH</b>	<b>4,207,346.93</b>	<b>5,058,906.43</b>
<b>II PELABURAN AM</b>		
DEPOSIT DALAM NEGERI	1,093,000,000.00	1,061,500,000.00
TELEKOM MALAYSIA BHD	7,150,000.00	7,150,000.00
TENAGA NASIONAL BERHAD	9,000,000.00	9,000,000.00
PETRONAS	2,800,000.00	2,800,000.00
MALAYSIA AIRPORTS HOLDING BERHAD	12,500,000.00	12,500,000.00
<b>JUMLAH PELABURAN AM</b>	<b>1,124,450,000.00</b>	<b>1,092,950,000.00</b>
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>1,128,657,346.93</b>	<b>1,098,008,906.43</b>

**C**

**Penyata Akaun Hasil Disatukan**  
**seperti pada 31 Disember 2010**

Perihal	2010			2009		
	Belanjawan		Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		<b>538,953,550.83</b>		<b>461,610,225.06</b>		
<b>I HASIL</b>						
Hasil Cukai	116,973,100.00	116,292,082.17	99.42	111,934,997.17	98.34	
Hasil Bukan Cukai	129,775,140.00	197,920,024.19	152.51	197,914,885.97	163.20	
Terimaan Bukan Hasil	78,287,800.00	96,489,524.34	123.25	66,661,904.35	117.69	
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>325,036,040.00</b>	<b>410,701,630.70</b>	<b>126.36</b>	<b>376,511,787.49</b>	<b>129.06</b>	
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>						
Emolumen	125,600,569.45	109,030,734.56	86.81	101,738,638.20	86.37	
Perkhidmatan Dan Bekalan	79,748,574.19	72,072,954.62	90.38	66,023,183.87	87.20	
Aset	2,169,025.00	1,892,648.30	87.26	2,723,662.54	80.60	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	190,103,476.36	188,292,992.96	99.05	110,390,868.24	97.51	
Perbelanjaan Lain	6,398,150.00	5,873,283.95	91.80	18,292,108.87	86.73	
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>404,019,795.00</b>	<b>377,162,614.39</b>	<b>93.35</b>	<b>299,168,461.72</b>	<b>90.33</b>	
<b>Lebihan / (Defisit) Bagi Tahun (I - II)</b>	<b>(78,983,755.00)</b>	<b>33,539,016.31</b>		<b>77,343,325.77</b>		
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>572,492,567.14</b>		<b>538,953,550.83</b>		

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

**C1** Penyata Hasil  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Perihal	2010				2009	
	Belanjawan Asal RM	Belanjawan Disemak RM	Sebenar RM	% Belanjawan	Sebenar RM	% Belanjawan
<b>60000 HASIL CUKAI</b>						
61400 Cukai Tanah	110,016,600.00	110,016,600.00	105,233,770.15	95.65	102,771,620.45	96.06
61600 Cukai Parit Dan Talair	666,500.00	666,500.00	802,274.63	120.37	675,098.60	105.02
61900 Cukai Langsung Yang Lain	190,000.00	190,000.00	179,019.23	94.22	165,569.92	87.14
62800 Cukai Hiburan	6,100,000.00	6,100,000.00	10,077,018.16	165.20	8,322,708.20	138.71
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	116,973,100.00	116,973,100.00	116,292,082.17	99.42	111,934,997.17	98.34
<b>70000 HASIL BUKAN CUKAI</b>						
71000 Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	9,499,500.00	9,499,500.00	15,426,626.75	162.39	15,282,197.45	170.11
72000 Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	34,204,900.00	34,204,900.00	50,175,913.49	146.69	43,080,055.55	130.58
73000 Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	37,898,540.00	37,898,540.00	84,651,335.62	223.36	91,413,905.33	293.82
74000 Sewaan	6,227,000.00	6,227,000.00	5,286,413.68	84.90	4,796,055.06	75.01
75000 Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	36,845,500.00	36,845,500.00	36,618,356.05	99.38	37,919,319.73	103.48
76000 Denda Dan Hukuman	5,099,700.00	5,099,700.00	5,761,378.60	112.97	5,423,352.85	105.35
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	129,775,140.00	129,775,140.00	197,920,024.19	152.51	197,914,885.97	163.20
<b>80000 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
81000 Pulangan Balik Perbelanjaan	20,026,200.00	20,026,200.00	30,773,585.84	153.67	2,757,757.37	10,525.79
82000 Terimaan Dari Agensi Kerajaan	58,261,600.00	58,261,600.00	65,715,938.50	112.79	63,904,146.98	112.88
<b>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</b>	78,287,800.00	78,287,800.00	96,489,524.34	123.25	66,661,904.35	117.69
<b>JUMLAH HASIL</b>	325,036,040.00	325,036,040.00	410,701,630.70	126.36	376,511,787.49	129.06

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN PERUNTUKAN DIRAJA</b>				
PERUNTUKAN DIRAJA				
Emolumen	771,160.00	721,910.00	687,418.04	95.22
Perkhidmatan Dan Bekalan	935,070.00	984,320.00	967,659.07	98.31
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	5,100.00	5,100.00	5,100.00	100.00
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	150.00	150.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Peruntukan Diraja</b>	<b>1,711,480.00</b>	<b>1,711,480.00</b>	<b>1,660,177.11</b>	<b>97.00</b>
<b>JUMLAH PERUNTUKAN DIRAJA</b>	<b>1,711,480.00</b>	<b>1,711,480.00</b>	<b>1,660,177.11</b>	<b>97.00</b>
<b>PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN</b>				
KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN				
Emolumen	151,380.00	151,380.00	142,879.98	94.38
Perkhidmatan Dan Bekalan	46,620.00	46,620.00	12,242.35	26.26
<b>Jumlah Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan</b>	<b>198,000.00</b>	<b>198,000.00</b>	<b>155,122.33</b>	<b>78.34</b>
<b>JUMLAH PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN</b>	<b>198,000.00</b>	<b>198,000.00</b>	<b>155,122.33</b>	<b>78.34</b>
<b>JABATAN KEWANGAN NEGERI</b>				
JABATAN KEWANGAN NEGERI				
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	32,956,020.00	32,956,020.00	32,662,762.12	99.11
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	10.00	10.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Jabatan Kewangan Negeri</b>	<b>32,956,030.00</b>	<b>32,956,030.00</b>	<b>32,662,762.12</b>	<b>99.11</b>
<b>JUMLAH JABATAN KEWANGAN NEGERI</b>	<b>32,956,030.00</b>	<b>32,956,030.00</b>	<b>32,662,762.12</b>	<b>99.11</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>	<b>34,865,510.00</b>	<b>34,865,510.00</b>	<b>34,478,061.56</b>	<b>98.89</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b> <b>PEJABAT KETUA MENTERI DAN</b> <b>PEJABAT SETIAUSAHA</b> <b>KERAJAAN</b>				
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN				
Emolumen	364,630.00	364,630.00	292,950.61	80.34
Perkhidmatan Dan Bekalan	90,000.00	90,000.00	71,385.25	79.32
<b>Jumlah Pejabat Setiausaha Kerajaan</b>	<b>454,630.00</b>	<b>454,630.00</b>	<b>364,335.86</b>	<b>80.14</b>
AUDIT DALAM(SUK)				
Emolumen	471,510.00	471,510.00	408,352.05	86.61
Perkhidmatan Dan Bekalan	59,950.00	59,950.00	26,744.49	44.61
Aset	19,760.00	19,760.00	17,739.00	89.77
<b>Jumlah Audit Dalam(Suk)</b>	<b>551,220.00</b>	<b>551,220.00</b>	<b>452,835.54</b>	<b>82.15</b>
KOMUNIKASI KORPORAT(SUK)				
Emolumen	680,910.00	680,910.00	260,345.45	38.23
Perkhidmatan Dan Bekalan	61,000.00	61,000.00	49,177.62	80.62
Aset	4,300.00	4,300.00	4,284.00	99.63
<b>Jumlah Komunikasi Korporat(Suk)</b>	<b>746,210.00</b>	<b>746,210.00</b>	<b>313,807.07</b>	<b>42.05</b>
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)				
Emolumen	216,830.00	216,830.00	199,321.17	91.93
Perkhidmatan Dan Bekalan	35,000.00	35,000.00	31,124.37	88.93
<b>Jumlah Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)</b>	<b>251,830.00</b>	<b>251,830.00</b>	<b>230,445.54</b>	<b>91.51</b>
UPEN(TSUK PEMBANGUNAN)				
Emolumen	1,785,910.00	1,800,910.00	1,542,471.31	85.65
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,038,800.00	1,023,800.00	846,234.04	82.66
Aset	85,655.00	85,655.00	26,155.00	30.54
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	13,080.00	13,080.00	3,327.86	25.44
<b>Jumlah Upen(Tsuk Pembangunan)</b>	<b>2,923,445.00</b>	<b>2,923,445.00</b>	<b>2,418,188.21</b>	<b>82.72</b>
PERUMAHAN(TSUK PEMBANGUNAN)				
Emolumen	6,578,200.00	6,578,200.00	5,903,627.88	89.75
Perkhidmatan Dan Bekalan	618,460.00	618,460.00	495,556.91	80.13
Aset	105,000.00	105,000.00	102,567.72	97.68
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	304,170.00	304,170.00	285,425.32	93.84
<b>Jumlah Perumahan(Tsuk Pembangunan)</b>	<b>7,605,830.00</b>	<b>7,605,830.00</b>	<b>6,787,177.83</b>	<b>89.24</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
KERAJAAN TEMPATAN(TSUK PEMBANGUNAN)				
Emolumen	387,950.00	387,950.00	372,538.89	96.03
Perkhidmatan Dan Bekalan	250,190.00	250,190.00	113,734.74	45.46
Aset	3,090.00	3,090.00	1,130.00	36.57
<b>Jumlah Kerajaan Tempatan(Tsuk Pembangunan)</b>	<b>641,230.00</b>	<b>641,230.00</b>	<b>487,403.63</b>	<b>76.01</b>
KAWALAN SELIA SUMBER AIR(TSUK PEMBANGUNAN)				
Emolumen	399,640.00	399,640.00	327,253.98	81.89
Perkhidmatan Dan Bekalan	111,000.00	111,000.00	98,862.67	89.07
<b>Jumlah Kawalan Selia Sumber Air(Tsuk Pembangunan)</b>	<b>510,640.00</b>	<b>510,640.00</b>	<b>426,116.65</b>	<b>83.45</b>
PUSAT PEGIS(TSUK PEMBANGUNAN)				
Emolumen	621,350.00	621,350.00	455,923.20	73.38
Perkhidmatan Dan Bekalan	262,090.00	242,090.00	79,034.14	32.65
Aset	1,500.00	21,500.00	20,608.00	95.85
<b>Jumlah Pusat Pegis(Tsuk Pembangunan)</b>	<b>884,940.00</b>	<b>884,940.00</b>	<b>555,565.34</b>	<b>62.78</b>
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI				
Emolumen	235,540.00	235,540.00	224,761.91	95.42
Perkhidmatan Dan Bekalan	50,000.00	50,000.00	35,002.11	70.00
<b>Jumlah Unit Perancang Ekonomi Negeri</b>	<b>285,540.00</b>	<b>285,540.00</b>	<b>259,764.02</b>	<b>90.97</b>
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA(TSUK PENGURUSAN)				
Emolumen	1,688,050.00	1,538,050.00	1,261,182.66	82.00
Perkhidmatan Dan Bekalan	676,200.00	676,200.00	660,876.70	97.73
Aset	25,570.00	25,570.00	23,676.00	92.59
<b>Jumlah Pengurusan Sumber Manusia(Tsuk Pengurusan)</b>	<b>2,389,820.00</b>	<b>2,239,820.00</b>	<b>1,945,735.36</b>	<b>86.87</b>
KHIDMAT PENGURUSAN(TSUK PENGURUSAN)				
Emolumen	6,055,370.00	6,055,370.00	5,419,764.73	89.50
Perkhidmatan Dan Bekalan	21,574,170.00	20,054,069.04	17,950,607.33	89.51
Aset	412,000.00	522,641.00	482,435.81	92.31
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	24,616,010.00	26,025,469.96	25,079,706.64	96.37
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	80,000.00	80,000.00	61,209.56	76.51
<b>Jumlah Khidmat Pengurusan(Tsuk Pengurusan)</b>	<b>52,737,550.00</b>	<b>52,737,550.00</b>	<b>48,993,724.07</b>	<b>92.90</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
PEJABAT KETUA MENTERI(TSUK PENGURUSAN)				
Emolumen	949,550.00	949,550.00	813,123.75	85.63
Perkhidmatan Dan Bekalan	687,000.00	687,000.00	599,911.91	87.32
<b>Jumlah Pejabat Ketua Menteri(Tsuk Pengurusan)</b>	<b>1,636,550.00</b>	<b>1,636,550.00</b>	<b>1,413,035.66</b>	<b>86.34</b>
DEWAN UNDANGAN NEGERI(TSUK PENGURUSAN)				
Emolumen	7,408,010.00	7,975,186.00	7,573,804.18	94.97
Perkhidmatan Dan Bekalan	6,946,500.00	6,529,324.00	6,214,897.27	95.18
Aset	6,450.00	6,450.00	6,250.00	96.90
<b>Jumlah Dewan Undangan Negeri(Tsuk Pengurusan)</b>	<b>14,360,960.00</b>	<b>14,510,960.00</b>	<b>13,794,951.45</b>	<b>95.07</b>
P. TEKN. MAKLUMAT & KOMU. NEGERI(TSUK)				
Emolumen	1,396,870.00	1,398,370.00	1,248,337.48	89.27
Perkhidmatan Dan Bekalan	4,922,800.00	4,921,300.00	4,011,431.29	81.51
Aset	294,900.00	294,900.00	248,230.00	84.17
<b>Jumlah P. Tekn. Maklumat &amp; Komu. Negeri(Tsuk)</b>	<b>6,614,570.00</b>	<b>6,614,570.00</b>	<b>5,507,998.77</b>	<b>83.27</b>
MAJLIS SUKAN NEGERI(TSUK PENGURUSAN)				
Emolumen	627,590.00	627,590.00	535,986.87	85.40
Perkhidmatan Dan Bekalan	254,000.00	254,000.00	220,604.90	86.85
<b>Jumlah Majlis Sukan Negeri(Tsuk Pengurusan)</b>	<b>881,590.00</b>	<b>881,590.00</b>	<b>756,591.77</b>	<b>85.82</b>
<b>JUMLAH PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN</b>	<b>93,476,555.00</b>	<b>93,476,555.00</b>	<b>84,707,676.77</b>	<b>90.62</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PEJABAT TANAH DAN GALIAN</b>				
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN				
Emolumen	467,060.00	467,060.00	387,546.56	82.98
Perkhidmatan Dan Bekalan	638,200.00	464,430.00	165,113.24	35.55
Aset	1,076.00	23,217.00	23,217.00	100.00
<b>Jumlah Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian</b>	<b>1,106,336.00</b>	<b>954,707.00</b>	<b>575,876.80</b>	<b>60.32</b>
PENGURUSAN				
Emolumen	2,219,600.00	2,219,600.00	1,551,339.34	69.89
Perkhidmatan Dan Bekalan	449,600.00	580,600.00	527,076.55	90.78
Aset	14,362.00	16,990.00	15,883.00	93.48
<b>Jumlah Pengurusan</b>	<b>2,683,562.00</b>	<b>2,817,190.00</b>	<b>2,094,298.89</b>	<b>74.34</b>
PENDAFTARAN				
Emolumen	3,101,340.00	3,101,340.00	2,878,341.46	92.81
Perkhidmatan Dan Bekalan	647,700.00	667,700.00	579,571.47	86.80
Aset	48,322.00	46,323.00	46,323.00	100.00
<b>Jumlah Pendaftaran</b>	<b>3,797,362.00</b>	<b>3,815,363.00</b>	<b>3,504,235.93</b>	<b>91.85</b>
<b>JUMLAH PEJABAT TANAH DAN GALIAN</b>	<b>7,587,260.00</b>	<b>7,587,260.00</b>	<b>6,174,411.62</b>	<b>81.38</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH TIMUR LAUT</b>				
PEJABAT PEGAWAI DAERAH				
Emolumen	139,640.00	139,640.00	139,261.07	99.73
<b>Jumlah Pejabat Pegawai Daerah</b>	<b>139,640.00</b>	<b>139,640.00</b>	<b>139,261.07</b>	<b>99.73</b>
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN				
Emolumen	834,270.00	834,270.00	688,224.97	82.49
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,381,680.00	1,372,170.00	1,333,148.99	97.16
Aset	4,470.00	13,980.00	13,630.66	97.50
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	10.00	10.00	0.00	0.00
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	10.00	10.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Bahagian Khidmat Pengurusan</b>	<b>2,220,440.00</b>	<b>2,220,440.00</b>	<b>2,035,004.62</b>	<b>91.65</b>
BAHAGIAN PEMBANGUNAN				
Emolumen	1,192,380.00	1,192,380.00	972,279.94	81.54
Aset	4,480.00	4,480.00	4,440.00	99.11
<b>Jumlah Bahagian Pembangunan</b>	<b>1,196,860.00</b>	<b>1,196,860.00</b>	<b>976,719.94</b>	<b>81.61</b>
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH				
Emolumen	2,157,750.00	2,157,750.00	1,895,288.69	87.84
Aset	18,850.00	18,850.00	18,762.00	99.53
<b>Jumlah Bahagian Pengurusan Tanah</b>	<b>2,176,600.00</b>	<b>2,176,600.00</b>	<b>1,914,050.69</b>	<b>87.94</b>
BAHAGIAN PERUNDANGAN				
Emolumen	54,310.00	54,310.00	33,275.84	61.27
<b>Jumlah Bahagian Perundangan</b>	<b>54,310.00</b>	<b>54,310.00</b>	<b>33,275.84</b>	<b>61.27</b>
<b>JUMLAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH TIMUR LAUT</b>	<b>5,787,850.00</b>	<b>5,787,850.00</b>	<b>5,098,312.16</b>	<b>88.09</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA</b>				
PEJABAT PEGAWAI DAERAH				
Emolumen	149,630.00	153,730.00	146,249.88	95.13
<b>Jumlah Pejabat Pegawai Daerah</b>	<b>149,630.00</b>	<b>153,730.00</b>	<b>146,249.88</b>	<b>95.13</b>
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN				
Emolumen	1,109,360.00	1,109,360.00	977,738.12	88.14
Perkhidmatan Dan Bekalan	693,300.00	684,620.00	670,274.28	97.90
Aset	5,010.00	14,690.00	14,676.10	99.91
<b>Jumlah Bahagian Khidmat Pengurusan</b>	<b>1,807,670.00</b>	<b>1,808,670.00</b>	<b>1,662,688.50</b>	<b>91.93</b>
BAHAGIAN PEMBANGUNAN				
Emolumen	1,245,260.00	1,245,260.00	968,289.31	77.76
Perkhidmatan Dan Bekalan	40,000.00	40,000.00	30,475.55	76.19
<b>Jumlah Bahagian Pembangunan</b>	<b>1,285,260.00</b>	<b>1,285,260.00</b>	<b>998,764.86</b>	<b>77.71</b>
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH				
Emolumen	1,746,620.00	1,746,620.00	1,498,627.15	85.80
Perkhidmatan Dan Bekalan	105,300.00	105,300.00	103,810.64	98.59
Aset	10,800.00	10,800.00	10,796.00	99.96
<b>Jumlah Bahagian Pengurusan Tanah</b>	<b>1,862,720.00</b>	<b>1,862,720.00</b>	<b>1,613,233.79</b>	<b>86.61</b>
BAHAGIAN PERUNDANGAN				
Emolumen	51,550.00	47,450.00	34.00	0.07
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,000.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Bahagian Perundangan</b>	<b>52,550.00</b>	<b>47,450.00</b>	<b>34.00</b>	<b>0.07</b>
<b>JUMLAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA</b>	<b>5,157,830.00</b>	<b>5,157,830.00</b>	<b>4,420,971.03</b>	<b>85.71</b>

**C2**

**Penyata Perbelanjaan Mengurus**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010			
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM	
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI UTARA</b>				
PEJABAT PEGAWAI DAERAH				
Emolumen	149,150.00	149,150.00	136,090.67	91.24
Perkhidmatan Dan Bekalan	18,000.00	18,000.00	13,751.27	76.40
<b>Jumlah Pejabat Pegawai Daerah</b>	<b>167,150.00</b>	<b>167,150.00</b>	<b>149,841.94</b>	<b>89.65</b>
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN				
Emolumen	1,068,170.00	1,068,170.00	980,591.86	91.80
Perkhidmatan Dan Bekalan	726,680.00	762,188.67	760,847.89	99.82
Aset	6,310.00	18,110.00	17,815.00	98.37
<b>Jumlah Bahagian Khidmat Pengurusan</b>	<b>1,801,160.00</b>	<b>1,848,468.67</b>	<b>1,759,254.75</b>	<b>95.17</b>
BAHAGIAN PEMBANGUNAN				
Emolumen	1,417,300.00	1,367,300.00	1,147,492.48	83.92
Perkhidmatan Dan Bekalan	61,900.00	56,391.33	32,987.88	58.50
<b>Jumlah Bahagian Pembangunan</b>	<b>1,479,200.00</b>	<b>1,423,691.33</b>	<b>1,180,480.36</b>	<b>82.92</b>
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH				
Emolumen	2,150,470.00	2,158,670.00	1,931,535.04	89.48
Perkhidmatan Dan Bekalan	99,000.00	99,000.00	96,602.16	97.58
